

C N S 0 0 6 5

R GB 25-11 00156 BA205

aab

Mahathir -- Penswastaan

TUNISIA'INGIN PELAJARI DASAR PENSWASTAAN MALAYSIA

Daripada Mahrus Ibrahim

, TUNIS, 25 Nov (Bernama) -- Tunisia yang baru mula mengamalkan dasar penswastaan, ingin mempelajari kaedahnya dari Malaysia.

Hasrat itu disampaikan oleh Perdana Menteri Tunisia, Dr Hamed Karoui kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa rundingan tidak rasmi mereka yang berlangsung di sini sebaik saja selepas Perdana Menteri tiba semalam untuk lawatan dua hari.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi memberitahu pemberita Malaysia malam tadi bahawa, Tunisia bercadang menghantar pegawai-pegawainya ke Kuala Lumpur untuk mengkaji dasar dan kaedah penswastaan Malaysia.

Katanya, Tunisia ingin tahu bagaimana Malaysia mengatasi bantahan oleh pekerja dalam melaksanakan dasar itu, yang merupakan satu masalah baginya pada masa ini.

Abdullah berkata Dr Mahathir menerangkan kepada Dr Karoui bahawa di Malaysia pun masalah itu wujud pada peringkat awal tetapi kini pekerja pula meminta supaya penswastaan dipercepatkan. -- Lagi

♥25/11/16-22MST

CNS0069

R GB 25-11 00148 BA206

aab

Mahathir -- Penswastaan 2 Tunis

Kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan perkembangan dalam kerjasama Selatan-Selatan, khususnya usaha untuk meningkatkan hubungan ekonomi bagi kepentingan negara membangun.

Abdullah berkata Dr Mahathir menjelaskan bahawa antara masalah utama yang menghalang peningkatan dalam hubungan perdagangan ialah kekurangan maklumat mengenai potensi pasaran negara membangun di kalangan mereka sendiri.

Sebaliknya, syarikat-syarikat besar di negara maju mempunyai data terperinci mengenai negara yang mereka ingin melabur atau yang telah mereka melabur, katanya.

Untuk mengatasi masalah itu, Kumpulan 15 negara-negara membangun (G-15) telah inenubuhkan Pusat Pertukaran Maklumat Data Mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITPDEC), yang dapat menyediakan penerangan mengenai peluang pelaburan dan perdagangan terdapat di negara membangun.

Abdullah berkata Tunisia menyatakan minat terhadap SITPDEC dan dalam hal ini, Ketua Pengarah Pusat itu, Haji Salleh Marzuki dari Malaysia, akan ke sini untuk memberi penerangan lanjut. -- Lagi

♥25/11/16-25MST

CNS0072

R GB 25-11 00126 BA208

aab

Mahathir - Penswastaan 3 (Akhir) Tunis (Ulang hantar)

Pada perjumpaan itu juga, Dr Mahathir memberitahu Dr Karoui mengenai pentingnya Peraturan Pembayaran Bersama (BPA) ke arah meningkatkan perdagangan antarabangsa.

BPA boleh memberi keyakinan kepada pelabur tentang pembayaran kerana ia dijamin oleh bank pusat negara berkenaan. Malaysia dan Tunisia akan menandatangani perjanjian itu di sini hari ini.

Abdullah berkata Dr Mahathir menyebut contoh perdagangn antara Malaysia dan Venezeulatelah meningkat 400 peratus setelah kedua-dua negara menandatangani perjanjian itu tidak lama dulu.

Hari ini, Perdana Menteri di jadual mengadakan rundingan delegasi dengan pihak Tunisia yang akan diketuai oleh Dr Karoui.

Selepas itu, beliau akan makan tengah ha'ri dengan pemimpin PLO Yasser Arafat, yang berpangkalan di sini. -- Bernama

▼25/11/16-28MST